



FAMILI

Oleh Noriah Idris  
nori@hmetro.com.my

Pendidikan seimbang antara dunia dan akhirat mendorong ibu bapa mencari jalan terbaik membentuk sahsiah diri anak mereka.

Bagi merealisasi impian itu, pensyarah perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Amalina Abdullah, 45, berusaha melakukan aspek terbaik buat empat cahaya matanya.

Menerusi perkahwinan campur bersama Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, 46, yang berasal daripada keturunan Tionghua di Sabah, pasangan ini menitikberatkan soal pendidikan anak.

Bagi tujuan itu, sejak kecil mereka menghantar semua anak ke tadika Cina dan Arab untuk menguasai kemahiran bahasa de-

# Didik ilmu DUNIA, AKHIRAT

Anak-anak berjaya kuasai empat bahasa serentak



"Paling melucukan, suami pula pernah terlupa mengambil anak di sekolah agama kerana kesibukan tugas di universiti hingga terpaksa bergegas ke sana," katanya.

Dia tidak menafikan beban dan cabaran anak hari ini besar walaupun ketika masih kecil, namun tanggungjawab terhadap pelajaran menjadikan mereka cepat mataang, sekali gus mampu mendepani cabaran akan datang sebaik mungkin.

Mengimbau kembali sejarah perkenalan bersama suami sehingga membawa mereka ke jenjang pelamin hampir 20 tahun lalu, katanya, segala-galanya berlaku ke-

## PROFIL

**NAMA:** Dr Amalina Abdullah

**USIA:** 45 tahun

**KERJAYA:**

Pensyarah Perakaunan,  
Universiti Putra Malaysia

**PENDIDIKAN:** Doktor Falsafah  
(PhD Perakaunan), Universiti  
Putra Malaysia

**ASAL:** Alor Setar, Kedah  
**SUAMI:** Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

**ANAK:** Farah Hannani Yap (18),  
Danial Anas Yap (16), Adam  
Anas Yap (14) dan Danish Anas  
Yap (11)

ngan sebaik-baiknya dan ternyata kebanyakannya mereka berjaya menguasai empat bahasa serentak iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Cina.

Meletakkan anak sebagai aset berharga menyebabkan pasangan ini sanggup menghabiskan wang dan tenaga dalam mencari kaedah terbaik untuk melahirkan insan cemerlang, sekali gus berbakti kepada bangsa dan agama.

Menurut wanita ini, empat anaknya iaitu Farah Hannani, Daniel Anas, Adam Anas dan Danish Anas Yap menunjukkan kecemerlangan masing-masing dalam pelajaran.

"Sejak kecil anak belajar di tadika Cina dan penekanan diberi terhadap penguasaan bahasa pengantar. Darjah satu hingga enam, mereka dihantar ke Sekolah Arab (KAFA) di Serdang di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan menggunakan sukatan pelajaran merangkumi fiqah, tauhid, hafazan, asas jawi dan bahasa Arab.

"Cuma anak perempuan sulung tidak mempelajari tahlif namun cemerlang dalam agama dan bahasa Arab yang kini penuntut Diploma Syariah di Kolej Islam Johor. Anak kedua pula, ketiga dan bongsu belajar di Sekolah Al Amin iaitu sekolah swasta yang mementingkan kecemerlangan akademik, terutama tahlif."

"Sebenarnya tujuan kami menghantar anak ke sekolah Cina untuk memantapkan pembelajaran dan latihan. Sekolah Arab swasta pula melatih jati diri menjadi ampuh, terutama nilai spiritual mereka," katanya.

Menurutnya, dia beruntung kerana bertugas di universiti sama dengan suami hingga membolehkan mereka saling membahagikan tugas menghantar dan mengambil anak di sekolah serta tuisyen berbeza tanpa kesulitan.

Katanya, suami mempunyai peribagai komitmen selain tugas sebagai Ketua Pusat Penyelidikan Sains Katalisis dan Teknologi merangkap Profesor Jabatan Kimia Fakulti Sa-



PASANGAN bahagia Prof Taufiq dan Dr Amalina..



ABADIKAN kenangan pada Tahun Baru Cina tahun lalu di rumah keluarga mentua Dr Amalina.



BERSANTAI dengan keluarga tercinta ketika bercuti.

ins UPM, namun turut aktif dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Antara tugas disandang suami adalah Timbalan Presiden Cina Muslim Malaysia (MACMA), Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan banyak lagi hingga ada kalanya perlu ke luar negara hingga

menuntut wanita ini melakukan tugas sendirian.

"Inilah pengorbanan sebagai isteri dan ibu sehingga anak terpaksa bertukar baju sekolah dalam kereta, tertinggal kasut atau stoking serta membelikannya serta-merta di kedai kerana tidak sempat pulang ke rumah akibat terkejar-kejar dengan masa.

tika menuntut di United Kingdom. Dia berkata, perkenalan singkat hanya dua bulan ketika itu dia menyiapkan sarjananya, manakala bakal suami pula akan menamatkan doktor falsafah (PhD) tapi masing-masing menuntut di universiti berbeza.

Lebih menarik, katanya, suami adalah mualaf dan anak sulung dalam keluarga yang kematian bapa sedangkan tiga lagi adiknya masih belajar ketika itu.

Walaupun dalam keluarga suami hanya dia yang memeluk Islam manakala yang lain kekal dengan kepercayaan masing-masing, tidak pernah timbul masalah, malah saling menghormati antara satu sama lain.

"Sebenarnya, kahwin campur sangat baik jika kita memahami adat dan budaya keluarga mentua dengan sebaik-baiknya. Untuk itu, saya sentiasa berusaha memahami budaya dan adat resam keluarga.

"Berkat toleransi dipamerkan oleh agama suci kita, akhirnya ibu mentua dan adik ipar perempuan bersyahadah. Itulah inspirasi utama dalam perjuangan suami lebih 30 tahun memeluk Islam dan merasakan kemuncak kejayaannya kerana Allah memakbulkan doa untuk menjadikan keluarga ini adalah keluarga sakinah yang penuh harmoni," katanya.

## Lupa anak sebab gajet



**Sekarang** ini macam-macam penyakit melanda manusia. Biasa kita dengar penyakit disebabkan jangkitan wabak atau kuman.

Tapi hari ini Mat nak cerita penyakit gila bermain game atau chatting menerusi telefon pintar.

Mat tengok tak kira peringkat umur, sekarang ini yang dah pangkat mak bapak orang pun gila dek penangan teknologi yang ada sekarang.

Mat bukan apa, sebabnya Mat tengok ramai pula mak bapak orang ini konon pening kepala bila anak-anak mereka asyik berkepit dengan gajet serta telefon pintar yang diberikan kepada mereka.

Sampaikan ada yang tak muahu keluar rumah, bersosial atau bertegur sapa dengan teman yang datang ke rumah.

Bagi Mat itu biasa bagi budak-

budak. Yang luar biasa pula bila yang mak bapak mereka pula yang sebenarnya ada melebih-melebih berkepit dengan gajet mereka. Kiranya cakap tak serupa bikinlah. Macam ketam mengajar anaknya berjalan betul, dia pun sendiri salah.

Bukan apa, Mat tengok ada banyak kes juga sampaikan yang mak lupa nak ambil anak di sekolah dan tak kurang juga terlupa masak dan buat itu dan ini kerana bermain game di perantara mereka atau berchatting di aplikasi sembang seperti Whatsapp.

Paling Mat pelik bila waktu subuh pun mereka sibuk bersebang di ruang kumpulan chatting yang dibuat. pehh, korang ni memang tak ada kerja sungguh ke?

Orang nk tidur pun kadang-kadang tak senang kalau asyik dengar telefon berbunyi. Dah letak mod senyap pulak, vibrate tak henti-henti.

**MAT LAGA:** Kata budak tapi yang tua-tua pun sama.